



**MINIT MESYUARAT KALI KE-67 MAJLIS BERSAMA JABATAN
YANG DIADAKAN PADA HARI KHAMIS 9 SEPTEMBER 2021, JAM 2.30 PETANG
SECARA DALAM TALIAN**

Kehadiran : Pengerusi

YBhg. Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq bin Mahamd Adikan
Naib Canselor

Ahli Wakil Majikan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Narimah binti Samat
Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

YBrs. Profesor Dr. Shaiful Bahari bin Ismail
Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi
Penasihat Undang-Undang

YBrs. Dr. Musa bin Ali
Pendaftar

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Ahli Wakil Pekerja

Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan bin Ahmad Farouk (Presiden)
Profesor Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah
Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari
Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz
Profesor Madya Dr. Mohamad Rashidi Bin Mohd Pakri
Profesor Madya Dr. Lee Hooi Ling
Dr. Mohd Zahri bin Abdul Aziz
Puan Ida Haryati binti Ibrahim Bey

Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM

Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain (Presiden)
Encik Mohd Zulkifly bin Ibrahim
Encik Syaarani Amri Bin Muhamad
Puan Azliza Binti Ahmad
Encik Mohd Shukur bin Abidin
Puan Hasnah binti Hassan
Encik Nik Fakrudin bin Nik Ali

Setiausaha Bersama

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin
Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin bin Ahmad
Setiausaha
Kesatuan Kakitangan Am

Turut Hadir

YBrs. Profesor Dr. Md Roslan Bin Hashim
Timbalan Naib Canselor
Kelestarian dan Pembangunan Institusi

Encik Mohd Rashid B. Abdul Rejab
Timbalan Pendaftar
Pejabat Naib Canselor

Puan Zanita binti Zakaria
Pegawai Kewangan W54
Jabatan Bendahari

Ts. Dr. Hazrieffendy Bin Bakri
Pegawai Kewangan W44
Jabatan Bendahari

Tidak Hadir:

Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari Bin Halim
Pengarah Hospital
Hospital Universiti Sains Malaysia

YBrs. Encik Kamarul Ariffin Bin Ngah
Bendahari

MINIT 1 Aluan Pengerusi

1.1 Aluan kedatangan dan ucapan terima kasih kepada ahli.

Pengerusi mengalu-alukan kedatangan dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat MBJ yang hadir secara dalam talian. Pengerusi juga mendoakan kesejahteraan dan kesihatan kepada ahli agar sentiasa dilindungi dari wabak pandemik COVID-19.

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas inisiatif Pendaftar mengadakan Pra-Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan bersama KKAUSM pada 23 Ogos 2021. Melalui Pra-Mesyuarat tersebut, dimaklumkan bahawa sejumlah 15 perkara telah dibangkitkan dan telah mendapat penjelasan serta disusul dengan tindakan di pihak Jabatan Pendaftar secara bersama dengan pihak KKAUSM.

Pengerusi mengambil maklum bahawa, pihak PKAPUSM melalui emel rasmi kepada Setiausaha MBJ telah menyatakan persetujuan untuk tidak mengadakan Pra-Mesyuarat pada kali ini.

MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat ke-66 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Rabu, 30 Jun 2021, jam 2.30 petang yang diadakan secara dalam talian.

MINIT 3 Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-66

3.1 [Minit 3.1] Cadangan Insurans *Personal Accident* (PA)

Wakil daripada Jabatan Bendahari membentangkan kepada mesyuarat berkenaan Kronologi Laporan Kemajuan Insurans *Personal Accident* (PA) dan *Term Life* (TL) seperti berikut;

Bil.	Tarikh	Perkara
1.	22/12/2020	Melalui agenda 3.1, perkara berbangkit dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan kali ke-64, satu pembentangan oleh wakil Bendahari tentang cadangan penawaran insurans jenis <i>Personal Accident</i> (PA) untuk staf Universiti yang mencarum dalam Tabung Kebajikan Staf.
2.	15/3/2021	Perbincangan susulan kepada Pelan Insurans Kemalangan antara wakil Jabatan Bendahari, wakil Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dan wakil Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM).
3.	26/4/2021	Edaran surat lantikan Ahli Jawatankuasa Spesifikasi Perolehan Insurans Kemalangan bertarikh 23 April 2021 kepada Pengerusi, 2 ahli dan juga Setiausaha. Jawatankuasa dilantik sehingga selesai keseluruhan proses perolehan insurans kemalangan yang tersebut.
4.	10/5/2021	Mesyuarat Jawatankuasa Spesifikasi Insurans Kemalangan telah diadakan buat kali pertama untuk melihat spesifikasi Insurans <i>Personal Accident</i> (PA) yang dirancang bagi 3 tahun bermula 2022 sehingga 2024. Beberapa pindaan telah dicadangkan oleh Jawatankuasa kepada spesifikasi yang asal. Turut dibincangkan, pertimbangan cadangan memperkenalkan <i>Group Term Life</i> (GTL).
5.	17/5/2021	Cadangan tambahan polisi insurans hayat berkelompok (<i>Group Term Life</i> – GTL) telah dikemukakan kepada Naib Canselor untuk pertimbangan/kelulusan.
6.	19/7/2021	Spesifikasi Insurans <i>Personal Accident</i> (PA) yang telah diperakui oleh Jawatankuasa Spesifikasi dikemukakan kepada pihak Seksyen Perolehan untuk proses selanjutnya.
7.	27/7/2021	Kajian pasaran GTL telah disiapkan dan permohonan kelulusan peruntukan dikemukakan kepada Bendahari.
8.	29/7/2021	Kelulusan Peruntukan Belanjawan bagi perlindungan GTL telah diperolehi.
9.	11/8/2021	Mesyuarat Ke-2 Jawatankuasa Spesifikasi membincangkan spesifikasi GTL yang dirancang bagi tempoh 3 tahun bermula 2022 sehingga 2024. Beberapa pindaan telah dicadangkan oleh Jawatankuasa berdasarkan hasil kajian pasaran.
10.	23/8/2021	Spesifikasi GTL yang telah dikemaskini diedarkan kepada ahli mesyuarat untuk kelulusan. Spesifikasi dijangka akan dimajukan kepada pihak Seksyen Perolehan sebaik sahaja mendapat kelulusan Jawatankuasa Spesifikasi. Perolehan secara tender terbuka bagi GTL dan akan disekalikan dengan Perolehan PA.

Wakil dari Jabatan Bendahari memaklumkan kepada mesyuarat bahawa hanya staf yang berstatus tetap dan kontrak berwaran sahaja akan dilindungi di bawah insurans ini kerana hanya staf tersebut mencarum dalam Tabung Kebajikan Staf. Staf yang telah bersara, meletak jawatan atau tamat perkhidmatan, tidak layak untuk perlindungan.

Mesyuarat dimaklumkan, bagi Insurans **Term Life** (TL), terdapat beberapa perbezaan jumlah pampasan kematian (kematian semulajadi dan cacat kekal) yang akan diterima oleh ahli keluarga/penama hibah seperti berikut:

Jenis	Jumlah Pampasan
Pampasan kematian	RM20,000 sehingga RM50,000
Pampasan hilang anggota badan akibat kemalangan	Bergantung kepada peratus mengikut bahagian anggota badan
Khairat Kematian	RM3,000

Bagi Insurans **Personal Accident** (PA) pula, antara pampasan yang layak diterima oleh pencarum insurans adalah seperti berikut:

Jenis	Jumlah Pampasan
Pampasan kematian akibat kemalangan	RM110,000 sehingga RM220,000
Pampasan hilang anggota badan akibat kemalangan	Bergantung kepada peratus mengikut bahagian anggota badan
Khairat Kematian	RM3,000
Tuntutan perbelanjaan perubatan	RM3,000
Bawa balik jenazah	RM3,000
Pelawat yang menjaga pesakit	RM50 – RM100 seminggu
Elaun hospital	RM100 sehari terhad 60 hari
Kematian akibat denggi	RM11,000/RM22,000

Maklumbalas dan Keputusan:

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan Pengerusi untuk memilih insurans jenis *Group Term Life* (GTL) dan bersetuju perlindungan insurans adalah layak kepada staf yang berstatus tetap dan kontrak berwaran atau sehingga umur 60 tahun bagi pesara tetap sahaja.

Pengerusi memohon pihak Bendahari untuk membentangkan perkara ini di dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan pada bulan November 2021 supaya perkara ini dapat dilaksanakan pada Disember 2021 atau dengan kadar segera.

[Tindakan: Jabatan Bendahari]

3.2 [Minit 3.2] Bantuan Khas Internet RM50

Wakil dari Jabatan Bendahari memohon perhatian mesyuarat kepada pembentangan laporan tindakan susulan berkenaan cadangan pemberian elaun bantuan khas Internet kepada staf pelaksana.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, terdapat pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak universiti dalam menyediakan bantuan terutamanya kepada golongan B40. Antaranya ialah staf berkategori B40 yang mempunyai

anak berumur 12 tahun dan ke bawah telah menerima sumbangan bantuan susu UHT. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Bendahari memohon pertimbangan pihak KKAUSM untuk menangguhkan dahulu pelaksanaan cadangan ini atas faktor kekangan kewangan yang dihadapi universiti buat masa ini. Selain itu, universiti juga sedang memberi perhatian terhadap bagaimana untuk menampung kekurangan belanja mengurus dan juga peruntukan emolumen.

Maklumbalas dan Keputusan:

Setelah berbincang dan mendapat pandangan ahli mesyuarat, Pengerusi mencadangkan kepada pihak Jabatan Bendahari untuk menyediakan peruntukan sejumlah RM5,000 sebagai permulaan kepada 100 staf kategori B40 yang bekerja dari rumah dan yang memerlukan penggunaan internet untuk menjalankan tugas hakiki. Pengerusi juga memohon pihak KKAUSM untuk mengemukakan senarai nama 100 orang staf yang memerlukan bantuan khas internet RM50 tersebut kepada universiti.

[Tindakan: Jabatan Bendahari dan KKAUSM]

3.3 [Minit 3.3] Cadangan Moratorium Pinjaman Komputer dan Pinjaman Kenderaan

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Bendahari telah melaksanakan pemberian moratorium pinjaman komputer dan kenderaan kepada staf pelaksana mulai 1 Ogos 2021 hingga Oktober 2021 yang melibatkan 552 staf daripada jumlah keseluruhan 686 staf. Ini berikutan terdapat seramai 134 staf memilih untuk kekal dengan potongan pinjaman semasa.

Sebagai makluman ahli mesyuarat, pihak Jabatan Bendahari telah menerima maklumbalas daripada 134 staf yang memilih untuk kekal dengan potongan pinjaman tersebut yang menyatakan bahawa terdapat di antara mereka tidak dimaklumkan tentang moratorium pinjaman yang dicadangkan oleh KKAUSM ini. Namun, daripada sejumlah itu juga masih memilih dan bersetuju untuk mengekalkan potongan pinjaman semasa.

Maklumbalas:

Pengerusi mencadangkan kepada pihak Jabatan Bendahari untuk membuka peluang permohonan sehingga 31 Disember 2021 kepada staf pelaksana yang ingin memohon moratorium pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan selama 6 bulan (tempoh maksimum). Universiti juga berharap pihak KKAUSM dapat menyokong inisiatif ini dengan memperluaskan penyebaran maklumat dan war-warkan kepada warga staf USM supaya ianya lebih jelas.

[Tindakan: Jabatan Bendahari]

MINIT 4

Perkara Daripada Pihak Majikan

4.1 Pelan Perancangan Vaksinasi

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, pihak KKAUSM telah memanjangkan pertanyaan kepada Jabatan Pendaftar berkenaan dengan pelan vaksinasi warga USM termasuk pelajar. Disamping itu juga, terdapat pertanyaan serta kekuatiran dari kalangan staf berkenaan perancangan universiti untuk membuka semula kampus kepada warga pelajar.

Timbalan Naib Canselor, Kelestarian dan Pembangunan Institusi, YBr. Profesor Dr. Md Roslan Bin Hashim, selaku Pengerusi Jawatankuasa PPV@USM telah membentangkan kepada mesyuarat berkenaan Pelan Perancangan Vaksinasi

USM terkini di PPV Kampus Induk dan SAINS@Bertam. Antara perkara yang dibentangkan adalah seperti berikut:

- i. **Jumlah Petugas PPV USM Induk** (83 orang petugas kesihatan & 352 orang petugas bukan kesihatan)
- ii. **Jumlah Petugas PPV Sains@Bertam** (135 orang petugas kesihatan & 133 orang petugas bukan kesihatan)
- iii. **Kumulatif Status Vaksinasi Staf USM** (staf yang telah divaksin dan belum divaksin)
- iv. **Jumlah vaksin (Kampus Induk)** yang telah dibekalkan setakat 8 September 2021 (16,160 Sinovac dan 18,335 Pfizer)
- v. **Jumlah vaksin (Sains@Bertam)** yang telah dibekalkan setakat 8 September 2021 (9,221 Sinovac dan 7,254 Pfizer)

Pengerusi Jawatankuasa PPV@USM juga memaklumkan kepada mesyuarat berkenaan *linelisting* penerima suntikan vaksin di USM. Antaranya ialah:

- i. Semua staf USM
- ii. Semua pelajar tempatan dan antarabangsa USM yang berada di dalam dan sekitar kampus
- iii. Pasangan dan anak-anak/keluarga staf
- iv. Pasangan pelajar tempatan dan antarabangsa USM yang berada di dalam dan sekitar kampus
- v. Pengusaha-pengusaha kafe di dalam kampus
- vi. Para pelajar latihan industri USM dan IPT luar

[**Makluman Mesyuarat**]

4.2 Statistik Kenaikan Pangkat Staf Bukan Akademik

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, pihak PKAPUSM pada mesyuarat kali ke-66 MBJ telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan urusan kenaikan pangkat khususnya melibatkan warga staf bukan akademik di Kampus Kesihatan antaranya berkenaan peluang kenaikan pangkat dan jumlah pemohon berjaya kenaikan pangkat yang tidak seimbang di antara kampus.

Pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) telah membentangkan kepada mesyuarat ringkasan analisis data kenaikan pangkat bagi staf kumpulan bukan akademik termasuk statistik data kenaikan pangkat bagi jawatan Pegawai Tadbir untuk perhatian mesyuarat. Butiran pembentangan merangkumi perkara seperti berikut;

- i. Peratus peluang pemohon untuk berjaya dinaikkan pangkat mengikut bilangan kekosongan (kekosongan/pemohon mengikut kampus) iklan tahun 2020
- ii. Peratus bagi kadar pemohon berjaya berdasarkan jumlah pemohon (pemohon berjaya mengikut kampus / pemohon mengikut kampus) – bagi iklan kenaikan pangkat tahun 2020

- iii. Peratus bagi bilangan berjaya kenaikan pangkat dibandingkan dengan bilangan pegawai mengikut tahun & kampus (jawatan Pegawai Tadbir)

Pihak PKAPUSM telah memohon kepada mesyuarat untuk mendapatkan perincian jumlah data sebenar kenaikan pangkat bagi setiap kampus mengikut skim perkhidmatan bagi memberi gambaran yang lebih jelas dan lebih terperinci.

Pihak BSM telah memohon kepada pihak PKAPUSM untuk mengemukakan isu yang dibangkitkan ini dalam bentuk yang lebih objektif dan berasaskan kepada data-data atau maklumbalas dari pekerja yang lebih tepat dan *representative*. Pihak BSM turut menjelaskan kepada mesyuarat bahawa, adalah sukar untuk membentangkan data-data operasi pengurusan sumber manusia bagi menjawab isu yang bersandarkan kepada andaian atau perspektif yang bersifat individu atau tidak *representative*.

Maklumbalas:

Setelah berbincang, mesyuarat mengambil maklum dan perhatian semua pandangan dari pihak PKAPUSM, pihak BSM dan pandangan ahli mesyuarat berkenaan perkara ini. Pengerusi bersetuju supaya pihak BSM dapat membentangkan semula data-data tersebut pada MBJ yang akan datang setelah menerima perincian yang lebih objektif dan jelas dari pihak PKAPUSM.

[Tindakan: Bahagian Sumber Manusia & PKAPUSM]

MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja

5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)

- Tiada perkara / usul cadangan daripada pihak PKAPUSM

5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak KKAUSM telah mengemukakan 15 perkara ke Pra Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan yang dipengerusikan oleh Pendaftar. Semua perkara tersebut telah diambil tindakan susulan hasil perbincangan dan keputusan mesyuarat tersebut.

[Makluman Mesyuarat]

MINIT 6 : Hal-hal Lain

6.1 Kadar Caj Ujian Covid

Wakil dari pihak PKAPUSM dan KKAUSM membangkitkan isu berkenaan kadar caj ujian *Polymerase Chain Reaction* (PCR) yang dikenakan terhadap pelajar dan staf universiti yang tidak relevan dan tidak berpatutan.

Pengerusi menjelaskan kepada mesyuarat bahawa pelajar telah diberi pilihan sama ada mahu melakukan ujian PCR atau kuarantin sendiri. Sekiranya pelajar tidak melakukan kuarantin sendiri, mereka diwajibkan oleh pihak universiti untuk menjalani ujian PCR bagi memastikan pelajar tersebut sihat dan bersedia untuk melakukan aktiviti di dalam kampus.

Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa, pelajar yang perlu menjalani ujian PCR ini kebanyakannya adalah dari kawasan yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi atau pelajar yang masih belum lagi menerima vaksin. Tujuan utama universiti dan

Nerve Centre berhubung perkara ini semestinya untuk melindungi warga kampus dengan sebaiknya bagi mengurangkan risiko jangkitan.

Timbalan Pendaftar Kanan, BSM memaklumkan mesyuarat bahawa akan diadakan mesyuarat penyelarasan antara pihak BSM, IPPT dan Pengarah Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan dan Pergigian) bagi membincangkan semula kadar caj ujian covid tersebut.

Maklumbalas:

Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian berkenaan perkara ini.

[Makluman Mesyuarat]

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.00 petang dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

oooOOOooo

Disediakan oleh :

**MOHD ZULKARNAIN BIN MOHAMAD
TAJULARIFFIN**
Setiausaha Bersama MBJ USM

Disediakan bersama oleh:

AMIN BIN AHMAD
Setiausaha Bersama MBJ USM
(Wakil Pekerja)